

BENGKEL PEMANTAPAN PROJEK PELAJAR TAHUN AKHIR

Prepared by Norain Binti Isa

Sektor pendidikan antara yang terkesan dengan kehadiran pandemik Covid-19 sejak Mac lalu ekoran arahan hanya aktiviti pembelajaran dalam talian sahaja yang dibenarkan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bagi pelajar tahun akhir (CEV 652), aktiviti kerja makmal perlu dihentikan sepanjang tempoh PKP. Walaupun kelihatan sukar, namun norma baharu ini perlu diadaptasi oleh semua pihak bagi memutuskan rantaian jangkitan virus ini secara menyeluruh. Penyelidikan pelajar tahun akhir masih boleh dijalankan dengan sedikit pengubahsuaian terhadap kaedah penyelidikan seperti kaedah simulasi, ulasan kajian (*Paper Review*), penyelidikan secara kajian kes dan kerja makmal (bagi pelajar yang sempat melakukan aktiviti makmal sebelum PKP).

Bagi membantu pelajar mengadaptasi dengan pengubahsuaian terhadap kaedah penyelidikan, tiga webinar telah dijalankan kepada pelajar bagi kod kursus CEV 652 (Final Year Project II) sepanjang tempoh PKP iaitu "How to Write Review Paper?" yang telah disampaikan oleh Assoc Prof. Ir. Dr. Chang Siu Hua pada 17 April 2020 melalui medium Microsoft Team. Objektif webinar ini diadakan adalah Memberi pendedahan kepada pelajar tentang cara untuk menulis ulasan kajian (*Paper review*). Seramai 98 pelajar yang telah menyertai webinar ini memberikan penilaian berikut terhadap webinar yang dijalankan:

Sangat informatif: 4.61/5

Sangat menyukai bengkel yang dijalankan: 4.59/5



Seterusnya, webinar yang kedua adalah 'How to Write Manuscript?' yang telah di sampaikan oleh Dr. Hamizura Hassan pada 17 April 2020. Objektif webinar ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang kaedah penulisan manuskrip yang baik dan memberi panduan kepada pelajar untuk menulis manuskrip kerana 10% penilaian pelajar tahun akhir berdasarkan penulisan manuskrip. Seramai 96 pelajar menghadiri webinar ini yang di adakan secara dalam talian melalui Microsoft Team. Pelajar memberikan penilaian berikut terhadap webinar yang dijalankan:

Sangat informatif: 4.54/5

Sangat menyukai bengkel yang dijalankan: 4.43/5

Webinar yang ketiga adalah "Making a Better Research Poster for Online Presentation" yang disampaikan oleh En, Mohamed Syazwan Osman pada 29 April 2020 melalui Microsoft Team. Tujuan webinar ini dadakan adalah memberi pendedahan kepada pelajar tentang tips membuat poster yang menarik untuk pembentangan secara dalam talian serta memberi panduan kepada pelajar berkaitan kriteria penting ketika membuat poster/slide seterusnya tips membuat rakaman video untuk pembentangan tahun akhir FYP. Seramai 115 pelajar telah menyertai bengkel ini dan memberikan penilaian berikut:

Sangat informatif: 4.82/5

Sangat menyukai bengkel yang dijalankan: 4.76/5

Secara keseluruhannya, bagi aktiviti penyelidikan pelajar tahun akhir masih dijalankan dengan sedikit pengubahsuaian terhadap kaedah penyelidikan. Walaupon momentum aktiviti penyelidikan pelajar sedikit terganggu, namun ia tetap dicapai walaupun berhadapan dengan ancaman virus Covid-19 ini yang entah bila akan berakhir.

